

٦٣- بَابُ غَسْلِ الدَّمِّ

63 - Bab: Membasuh Darah.¹¹²

٢٢٠ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى عَنْ هِشَامٍ قَالَ حَدَّثَنِي فَاطِمَةُ عَنْ أَسْمَاءَ قَالَتْ جَاءَتِ امْرَأَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ أَرَأَيْتَ إِحْدَانَا تَحِيضُ فِي التَّوْبِ كَيْفَ تَصْنَعُ قَالَ نَحْنُ نَمُتُّ نَمْرُصُهُ بِالْمَاءِ وَنُصَحُّهُ وَنُصَلِّي فِيهِ

220 - Muhammad bin Al-Mutsanna meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam, katanya: Fathimah meriwayatkan kepada saya daripada Asmaa', katanya: "Ada seorang perempuan datang kepada Nabi s.a.w, dia pun bertanya: "Apa katamu jika darah haidh seseorang daripada kami (kalangan perempuan) terkena kain, apa seharusnya dia lakukan?" Nabi s.a.w bersabda: "Dia perlu menyental (bahagian kain yang terkena darah itu), kemudian mengosoknya dengan air dan menyiramnya. (Setelah melakukan semua yang tersebut itu barulah) Dia boleh bersembahyang menggunakannya."¹¹³

٢٢١ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ هُوَ ابْنُ سَلَامٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ جَاءَتِ فَاطِمَةُ بِنْتُ أَبِي حَبِيشٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي امْرَأَةٌ أُسْحَاضُ فَلَا أَطْهَرُ أَفَادْعُ الصَّلَاةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَ بِحَيْضٍ فَإِذَا أَقْبَلْتَ حَيْضَتَكَ فَدَعِي الصَّلَاةَ وَإِذَا أَذْبَرْتَ فَاغْسِلِي عَنْكَ الدَّمَ ثُمَّ صَلِّي قَالَ وَقَالَ أَبِي ثُمَّ تَوَضَّعِي لِكُلِّ صَلَاةٍ حَتَّى يَجِيءَ ذَلِكَ الْوَقْتُ قَالَ وَقَالَ أَبِي ثُمَّ تَوَضَّعِي لِكُلِّ صَلَاةٍ حَتَّى يَجِيءَ ذَلِكَ الْوَقْتُ

¹¹² Yang dimaksudkan dengan darah di sini ialah darah haidh, darah nifas, darah wiladah dan darah binatang bukan darah-darah lain yang keluar dari tubuh manusia. Para 'ulama' sepakat mengatakan darah haidh, nifas, wiladah dan darah binatang adalah najis sementara darah-darah yang lain, masih lagi dipertikaikan tentang kenajisannya. Bagi Imam Bukhari tidak ada dalil kukuh menunjukkan najisnya darah-darah yang lain. Untuk membersihkan sesuatu yang terkena darah haidh pula bagi beliau mestilah ia dibasuh dengan air. Kesenambungan di antara bab ini dengan bab-bab sebelumnya adalah daripada beberapa segi (1) Kedua-duanya sama-sama menyatakan keperluan membersihkan kain yang terkena najis (2) Kepentingan memelihara diri daripada segala macam najis (3) Kewajipan menggunakan kain yang bersih untuk mengerjakan sembahyang.

¹¹³ Hadits ini jelas menunjukkan bahawa darah haidh itu najis, kalau tidak tentulah Nabi s.a.w tidak akan memerintahkan supaya dibersihkan kain yang terkena darah haidh itu sebegitu rupa. Menurut para 'ulama', hadits Asmaa' ini merupakan salah satu asas dalam bab keperluan membersihkan kain atau pakaian yang terkena najis.

221 - Muhammad, iaitu Ibnu Salam meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Muawiyah meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam bin `Urwah meriwayatkan kepada kami daripada ayahnya daripada `Aaisyah katanya: “Fathimah binti Abi Hubaisy pergi kepada Rasulullah s.a.w, lalu bertanya: “Wahai Rasulullah, saya adalah seorang perempuan yang darahnya terus menerus keluar selepas berlalu masa haidh. Saya tidak suci-suci. Adakah saya perlu meninggalkan sembahyang?” Rasulullah s.a.w menjawab: “Tidak boleh. Itu hanya satu gangguan pada salah satu urat (darah), ia bukanlah haidh. Oleh itu apabila waktu haidhmu datang, tinggalkanlah sembahyang dan apabila ia pergi, basuhlah darah itu darimu kemudian bersembahyanglah.” Kata Hisyam: “Ayah saya mengatakan: “Kemudian berwudhu’lah untuk setiap sembahyang (yang mahu engkau kerjakan) sehingga datang (pula) waktu itu (haidh berikutnya).”¹¹⁴

٦٤ - بَابُ غَسْلِ الْمَنِيِّ وَفَرْكِهِ وَغَسْلِ مَا يُصِيبُ مِنَ الْمَرْأَةِ

64 – Bab: Membasuh Mani Dan Menyentalnya, Juga Membasuh Apa-Apa Yang Mengenai Seseorang Daripada (Faraj) Perempuan.¹¹⁵

٢٢٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُبَارَكِ قَالَ أَخْبَرَنَا عَمْرُو بْنُ مَيْمُونٍ الْجَزْرِيُّ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كُنْتُ أَغْسِلُ الْجَنَابَةَ مِنْ تَوْبِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَخْرُجُ إِلَى الصَّلَاةِ وَإِنْ بَقِيَ الْمَاءُ فِي تَوْبِهِ

¹¹⁴ Hadits Fathimah binti Abi Hubaisy ini menurut Bukhari r.a, menunjukkan bahawa darah istihadah tidak najis seperti darah haidh. Demikian juga pendapat Imam Malik. Kerana itulah wanita yang mengalamainya tidak boleh meninggalkan sembahyang. Berbeza dengan wanita yang kedatangan haidh, kerana haidhnya yang kotor dan najislah maka ia tidak dibenarkan bersembahyang. hadits ini juga menunjukkan Fathimah binti Abi Hubaisy adalah seorang mu'tadah (perempuan yg mengetahui waktu datang haidhnya).

¹¹⁵ Para 'ulama' berbeza pendapat tentang najis atau tidaknya air mani manusia. Malik, Al-Laits, Al-Auzaa'i, Sufyan Ats-Tsauri, Abu Hanifah dan anak-anak buahnya berpendapat air mani manusia adalah najis yang perlu dibersihkan. Demikian juga pendapat Imam Bukhari. Untuk membersihkan sesuatu yang terkena air mani bagi Malik tidak ada jalan lain selain membasuhnya. Sama ada air mani pada sesuatu itu masih basah atau telah kering. Bagi Imam Bukhari sesuatu yang terkena air mani itu jika telah kering, memadai untuk membersihkannya dengan digosok-gosok atau dengan menyentalnya sahaja. Tetapi jika ia masih basah maka untuk membersihkannya tidak ada jalan lain selain membasuhnya. Kerana itulah beliau di dalam tajuk di atas menyebutkan Bab: Membasuh Mani Dan Menyentalnya. Pendapat Bukhari ini betul-betul sama dengan pendapat Abu Hanifah. Tajuk di atas sebenarnya mengandungi tiga perkara. Pertama: Membasuh Air Mani. Kedua: Menyental Air Mani. Ketiga: Membasuh Apa-Apa Yang Mengenai Seseorang Daripada (Faraj) Perempuan. Ertinya sesuatu yang keluar daripada faraj perempuan semasa bersetubuh atau pada masa seseorang bersenda gurau dengannya sama ada berupa air mazi atau air mani juga najis mengikut pandangan Imam Bukhari. Imam Asy-Syafi'e, Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur dan Daud Zahiri pula berpendapat air mani manusia adalah suci. Kerana itu tidak timbul lagi soal membasuh atau menyental sesuatu yang terkena air mani. Mereka hanya menganggap elok atau paling tinggi sunat, bukan mesti membasuh atau menyental sesuatu yang terkena air mani itu.

222 - `Abdan meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah bin Al-Mubarak meriwayatkan kepada kami, katanya: `Amar bin Maimun Al-Jazari meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar daripada `Aaisyah, katanya: “Aku sering menghilangkan kesan junub daripada kain Nabi s.a.w dengan membasuhnya. Selepas itu beliau s.a.w keluar untuk bersembahyang dalam keadaan tompokan-tompokan air kelihatan pada kainnya.”

٢٢٣ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَعْنَى ابْنُ مَيْمُونٍ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ قَالَ سَمِعْتُ عَائِشَةَ ح وَحَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ مَيْمُونٍ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ قَالَ سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنِ الْمَنِيِّ يُصِيبُ التَّوْبَ فَقَالَتْ كُنْتُ أَغْسِلُهُ مِنْ تَوْبِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيُخْرِجُ إِلَى الصَّلَاةِ وَأَثَرُ الْغُسْلِ فِي تَوْبِهِ يُقَعُّ الْمَاءُ

223 - Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid meriwayatkan kepada kami, katanya: `Amar, iaitu Ibnu Maimun meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar, katanya: saya mendengar `Aaisyah. ح Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Wahid meriwayatkan kepada kami, katanya: `Amar bin Maimun meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar, katanya: “Saya bertanya kepada `Aaisyah tentang mani yang terkena kain.” `Aaisyah menjawab: “Aku selalu menghilangkannya dari kain Rasulullah s.a.w dengan membasuhnya. Kemudian beliau keluar bersembahyang dalam keadaan kesan basuhan itu ada pada kainnya, iaitu (dalam bentuk) tompokan-tompokan air.”¹¹⁶

٦٥ - باب إذا غسل الجنابة أو غيرها فلم يذهب أثره

65 – Bab: Jika Seseorang Membasuh Air Mani Atau Selainnya Tetapi Kesannya Tidak Hilang.¹¹⁷

٢٢٤ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْمِنْقَرِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ مَيْمُونٍ قَالَ سَأَلْتُ سُلَيْمَانَ بْنَ يَسَارٍ فِي التَّوْبِ نُصِيبُهُ الْجَنَابَةَ قَالَ قَالَتْ عَائِشَةُ كُنْتُ أَغْسِلُهُ مِنْ تَوْبِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ يَخْرِجُ إِلَى الصَّلَاةِ وَأَثَرُ الْغُسْلِ فِيهِ يُقَعُّ الْمَاءُ

¹¹⁶ Antara dalil Bukhari tentang kenajisan air mani manusia ialah dua hadits yang dikemukakan di bawah tajuk ini. Kalaulah air mani itu tidak najis kenapa pula `Aaishah bertindak membasuhnya.

¹¹⁷ Maksud Imam Bukhari dengan mengemukakan bab ini ialah untuk menyatakan kain dan sebagainya yang terkena najis seperti air mani, darah haidh dan lain-lain harus digunakan untuk bersembahyang setelah tempat yang terkena najis itu dibasuh, meskipun kesan basuhan itu masih kelihatan dengan jelas.

224 - Musa bin Isma'il Al-Minqari meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdul Wahid meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Maimun meriwayatkan kepada kami, katanya: "Saya bertanya kepada Sulaiman bin Yasar tentang kain yang terkena kesan junub (air mani)." Beliau menjawab, 'Aaisyah berkata: "Aku selalu menghilangkannya dari kain Rasulullah s.a.w dengan membasuhnya. Kemudian Baginda s.a.w keluar bersembahyang dalam keadaan kelihatan bekas basuhan itu, iaitu (dalam bentuk) tompokan-tompokan air."

٢٢٥ - حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ قَالَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ مَيْمُونٍ بْنِ مِهْرَانَ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا كَانَتْ تَغْسِلُ الْمَنِيَّ مِنْ تَوْبِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ أَرَاهُ فِيهِ بُعَّةٌ أَوْ بُعَاً

225 - 'Amar bin Khalid meriwayatkan kepada kami, katanya: Zuhair meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Maimun bin Mihran meriwayatkan kepada kami daripada Sulaiman bin Yasar daripada 'Aaisyah: "Bahawa beliau sering membasuh air mani pada kain Nabi s.a.w, kemudian saya nampak ada padanya satu tompokan atau beberapa tompokan."¹¹⁸

٦٦ - بَابُ أَبْوَالِ الْإِبِلِ وَالْذَوَابِّ وَالْفَنَمِ وَمَرَاضِيهَا وَصَلَّى أَبُو مُوسَى فِي دَارِ الْبَرِيدِ وَالسَّرَقِينَ وَالْبَرَّةِ إِلَى جَنَّتِهِ فَقَالَ هَذَا هُنَا وَتَمَّ سَوَاءٌ

Bab: Air Kencing Unta Dan Binatang-Binatang Lain, Air Kencing Kambing Dan Kandang Kambing.¹¹⁹ Abu Musa Bersembahyang Di Dar Al-Barid (Satu

¹¹⁸ Kedua-dua hadits bab ini selain menunjukkan maksud Bukhari tadi, menunjukkan juga bentuk khidmat dan pertolongan yang boleh diberikan oleh seseorang isteri kepada suaminya iaitu seperti membasuh pakaiannya, memasak untuknya dan lain-lain.

¹¹⁹ Sebahagian daripada perbincangan tentang air kencing binatang telah pun dibincangkan pada nota 101 yang lalu. Melalui bab ini Imam Bukhari sekali lagi malah dengan lebih jelas lagi mahu menyatakan pandangannya tentang air kencing dan tahi binatang. Seperti telah dikemukakan sebelum ini bahawa Ibnu Batthaal berkata: "Bukhari berpendapat air kencing dan tahi binatang sama ada yang halal dimakan ataupun tidak, tidak najis." Alasannya ialah Bukhari di dalam bab ini telah menyebutkan air kencing unta dan binatang-binatang lain. Perkataan binatang-binatang lain itu bermaksud yang halal dimakan seperti kambing atau yang tidak halal seperti keledai dan sebagainya. Ini kerana Dar Al-Barid bukan hanya mengumpulkan unta sahaja, malah di sana juga terdapat binatang-binatang lain yang dijadikan sebagai kenderaan seperti keledai. Selain itu Abu Musa Al-Asy'ari yang terkenal sangat keras dan cermat dalam masalah air kencing manusia itu juga bermudah-mudah dalam menghadapi air kencing binatang, apabila beliau bersembahyang di Dar Al-Barid yang terdapat padanya air kencing dan tahi bermacam-macam binatang. Tentu sekalilah pada pandangan beliau air kencing binatang tidak najis seperti air kencing manusia.